

# Buletin ACIS

eISSN: 2600-8289  
Jamadil Awal / Jamadil Akhir 1439 — Februari 2018



**Bil: 02 / 2018**

*Martabat Wanita  
Menurut Dalil Naqli*

*Tarbiyah Berkelompok  
Berkesankah?*

*Kemana Hilangnya  
Budi Bahasa*

*Berdusta Itu Sifat  
Munafik*

*I-Talk 2018*

*Seminar  
Transformasi  
pemikiran Islam*

# Buletin ACIS

## SIDANG REDAKSI

### Penaung:

Prof. Dr. Nasrudin Mohammed (Rektor)

### Penasihat:

Hisam Satari

(Ketua Pusat Pengajian Acis )

### Editor:

Mu'allim Bin Mohd Bakri

### Sidang Pengarang:

Nor Saadah Binti Musa

Nurul Nisha Binti Mohd Shah

Mohammad Faizul Bin Abdan

Nur Nabilah Binti Azimoha

Mu'allim Mohd Bakri

### PENERBIT

UiTM Cawangan Negeri Sembilan

Kampus Seremban

Persiaran Seremban Tiga/1,

70300 Seremban 3,

Negeri Sembilan, Malaysia

Jika berminat untuk menghantar sebarang artikel atau komen, boleh email ke [bulletin.acis.n9@gmail.com](mailto:bulletin.acis.n9@gmail.com) [muallim@ns.uitm.edu.my](mailto:muallim@ns.uitm.edu.my)

## Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera kepada pembaca budiman sekalian. Alhamdulillah, Buletin ACIS siri ketujuh atau siri kedua yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Edisi kali ini, memuatkan enam penulisan hasil daripada sumbangan para pensyarah UiTM caw. Negeri Sembilan. Tajuk Fokus bulan ini adalah "*Martabat Wanita Menurut Dalil Naqli*". Selain itu, terdapat banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini. Semoga, buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua. Selamat membaca.

## Isi Kandungan

- ⇒ Martabat Wanita Menurut Dalil Naqli ( 3 )
- ⇒ Program I-TALK 2018 ( 8 )
- ⇒ "Tarbiyah Berkelompok" Berkesankah (10)
- ⇒ Seminar Transformasi Pemikiran Islam (13 )
- ⇒ Kemana Hilangnya Budi Bahasa? ( 14 )
- ⇒ Berdusta Itu Sifat Munafik ( 16 )

### Keterangan Gambar Cover

Gambar kenangan sempena Seminar Transformasi Pemikiran Islam anjuran IKSIM dan UiTM Caw. Negeri Sembilan yang diadakan di Kampus UiTM Kuala Pilah. Selain itu, gambar kenangan sempena program I-Talk 2018 yang merupakan program berbentuk kuliah pengukuhan untuk subjek kod CTU101 kepada pelajar-pelajar semester 1 (INTERIM).

## HAKCIPTA TERPELIHARA

Terbitan Buletin ACIS ini diterbitkan sebulan sekali

# Martabat Wanita Menurut Dalil Naqli

Oleh : Mu'allim Bin Mohd Bakri  
(Pensyarah ACIS UiTM Kampus Seremban)



## → Pendahuluan

Dewasa ini, terdapat segelintir masyarakat yang berpendapat bahawa Islam seringkali mendiskriminasikan wanita. Tuduhan ini berlaku mungkin kerana mereka membuat perbandingan diri mereka dengan kehidupan wanita barat yang kelihatan bebas dan seronok. Sesungguhnya tanggapan dan tuduhan ini adalah silap kerana sejarah telah membuktikan bahawa kedudukan wanita ketika zaman jahiliyyah merupakan zaman yang teruk mendiskriminasikan wanita. Kedatangan Islam telah mengangkat martabat wanita Islam dengan memberi pelbagai hak yang serupa dengan golongan lelaki. Islam telah mengariskan dasar-dasar yang jelas dan kukuh dalam menentukan hak wanita dalam kehidupan mereka. Kedatangan Islam pada akhir kurun ke 6 Masihi melalui utusan Allah Nabi Muhammad SAW telah memartabatkan kedudukan wanita, memuliakan selepas kehinaan, memberi hak selepas penafian,

melaksanakan keadilan selepas ditindas dan mengembalikan semula keinsanan wanita dalam kehidupan manusia. Lantaran itu, melalui penulisan ini, akan dirungkaikan secara ringkas dasar-dasar tersebut berdasarkan sumber al-Quran dan al-Sunnah.

## → Pertama

Wanita adalah sama dengan lelaki pada sudut kemanusiaan. Martabat wanita juga adalah sama seperti martabat lelaki. Sebagaimana firman Allah SWT dalam al-Quran surah al-Nisa' ayat 1

((يأيها النسا اتقوا ربكم الذي خلقكم من نفس واحدة ))

Maksudnya : Wahai sekalian manusia takutlah kamu akan Tuhan kamu yang menjadikan kamu dari tubuh yang satu.

Rasulullah SAW juga pernah bersabda perihal perkara ini. Antara sabda Rasulullah SAW adalah :

((قال النبي صلى الله عليه وسلم : إنما النساء شفائق الرجال ))

Maksudnya : Bersabda Nabi SAW : Bahawa perempuan itu adalah saudara lelaki.

## → Kedua

Menolak dakwaan penganut agama-agama lain bahawa punca Nabi Adam dikeluarkan daripada syurga adalah kerana wanita. Bahkan peristiwa tersebut adalah berpunca daripada kedua-duanya. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 36:

((فَأَرْلَهُمَا الشَّيْطَانُ عَنْهَا فَأَخْرَجَهُمَا مِمَّا كَانَا فِيهِ))

Maksudnya : Maka keduanya (Adam dan Hawa) digoda oleh syaitan lalu dikeluarkan keduanya dari syurga.

Dan Firman Allah SWT dalam surah al-'Araf ayat 23:

((قَالَ رَبُّنَا ظَلَمْنَا أَنفُسَنَا وَإِنْ لَمْ تَغْفِرْنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ))

Maksudnya : Keduanya bermohon : Wahai Tuhan kami, kami telah menganiaya diri kami sendiri. Dan jika Engkau tidak mengampuni dan memberi rahmat kepada kami, tentulah kami termasuk orang yang merugi.

Kedua-dua ayat al-Quran ini jelas menunjukkan bahawa kesalahan yang menyebabkan keduanya itu di keluarkan dari Syurga itu adalah berpunca daripada kedua-dua mereka (Nabi Adam dan Hawa). Bahkan, terdapat ayat al-Quran yang menjelaskan bahawa perbuatan tersebut adalah kesalahan daripada Nabi Adam sendiri. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Taha ayat 121 :

((وَعَصَى آدُمْ رَبَّهُ فَغُوْيٌ))

Maksudnya : Adam telah bersalah kepada Tuannya kerana tergoda.

## → Ketiga

Dalam konteks beramal soleh serta mengerjakan Ibadah, kaum wanita yang taat mengerjakannya juga akan mendapat balasan Syurga. Begitu juga sebaliknya, sekiranya kaum wanita melakukan perbuatan jahat akan di masukkan ke neraka. Perkara ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam al-Quran surah al-Nahl ayat 97 :



((مِنْ عَمَلِ صَالِحٍ مِنْ ذَكَرٍ أَوْ اثْنَيْ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنْجِيْنَهُ حَيَاةً طَيِّبَةً وَلَنْجِيْنَهُمْ أَجْرٌ هُمْ بِالْحَسْنَى مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ))

Maksudnya : Barangsiapa yang beramal Soleh, lelaki atau perempuan sedang dia adalah seorang yang beriman, maka kami hidupkan dia dengan kehidupan yang baik dan akan Kami beri pahala yang lebih baik dari apa yang mereka kerjakan.

## → Keempat

Islam memerangi adat jahiliyyah yang berperasaan sedih dan kecewa dengan kelahiran anak perempuan. Firman Allah SWT dalam al-Quran surah al-Nahl ayat 58 -59:

((وَإِذَا بَشَرَ احْدَهُمْ بِالْأُنْثَى ظُلِّ وَجْهُهُ مُسْوَدٌ وَهُوَ كَظِيمٌ يَتَوَارِي مِنَ الْقَوْمِ مِنْ سُوءِ مَابِسِرَ بِهِ إِيمَسِكَهُ عَلَى هُونِ امْ بَدْسَهُ فِي التَّرَابِ إِلَّا سَاءَ مَا يَحْكُمُونَ))

Maksudnya : Dan apabila diberi khabar suka salah seorang di antara mereka itu dengan anak perempuan, menjadi hitam muka mereka, sedang dia sangat marah dalam hatinya. Bersembunyi diri dia dari

kaumnya kerana kejahatan yang diberi kesukaan (disampaikan) kepadanya akan ditahannya (dikuburkannya) anak itu dengan menanggung kehinaan atau dialihkan ke dalam tanah. Ketahuilah amat jahat sekali hukuman mereka itu.

## → Kelima

Islam mengharamkan pembunuhan anak-anak perempuan seperti perbuatan arab jahiliyyah yang menguburkan anak perempuan hidup-hidup. Bahkan, Islam menyatakan perbuatan tersebut adalah perbuatan yang bodoh dan ternoda sekali. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-An'am ayat 140 :

((قد خسر الذين قتلوا اولادهم سفهها بغير علم ))

Maksudnya : Sesungguhnya merugi mereka yang membunuh anak-anak mereka kerana bodoh, tidak berilmu .

## → Keenam

Islam menyuruh supaya menghormati dan memuliakan wanita sama ada kanak-kanak perempuan, isteri-isteri atau ibu-ibu. Firman Allah SWT dalam surah al-Rum ayat 21 :

((وَمِنْ أَيَّاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتُسْكِنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مُوَدَّةً وَرَحْمَةً ))

Maksudnya : Dan sebahagian dari tandatanda adanya Allah ialah : Dialah yang menjadikan dari dirimu jodoh yang kamu bersenang-senang dengannya. Dia jadikan di antara kamu dengan isterimu itu rasa cinta dan kasih sayang.

Dan Firman Allah SWT lagi dalam surah al-Ahqaf ayat 15 :

((وَوَصَّلَنَا إِلَيْسَانَ بَوَالِدِيهِ أَحْسَانًا حَمَنَهُ أَمْهَ كَرْهَا وَوَضَعَتْهُ كَرْهَا ))

Maksudnya : Dan telah kami wasiatkan kepada sekalian orang supaya berbuat baik kepada orang tuanya. Ibunya yang telah mengandungnya dengan susah payah. Dan melahirkan dengan susah payah juga.

## → Ketujuh

Islam menggalakkan pendidikan kepada golongan wanita seperti lelaki. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW :

((قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ ))

Maksudnya : Bersabda Nabi SAW : menuntut ilmu itu adalah kewajiban tiap-tiap muslim.

Biasanya hadis ini di tambah dengan perkataan "Muslimah". Namun begitu, tambahan ini tidaklah Soheh. Tapi yang jelas iaitu bahawa menuntut ilmu itu adalah kewajiban sekalian orang termasuk juga perempuan.



## → Kelapan

Sesungguhnya Islam memberikan hak harta pusaka mengikut kadar yang telah ditentukan sama ada ibu, isteri, anak perempuan sehingga yang masih berada dalam kandungan.

## → Kesembilan

Islam juga telah meletakkan undang-undang hak suami isteri. Isteri mengatur hak suami isteri. Dalam perkara ini, perempuan juga mempunyai hak seperti lelaki. Lelaki mengetuai urusan rumah tangga manakala wanita mengetuai perkara-perkara yang bersangkutan dengan urusan anak-anak dan barang rumah tangga. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 228.

((ولهن مثل الذي عليهن بالمعروف و للرجال عليهن درجة  
والله عزيز حكيم))

Maksudnya : Hak wanita dan kewajiban suaminya seperti hak suami dan kewajiban isterinya. Iaitu secara patut. Lelaki itu hanya mempunyai kelebihan satu darjah dari perempuan. Dan Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

## → Kesepuluh


Islam juga telah menyusun hukum penceraian sehingga mampu menghalang kuasa mutlak lelaki dengan meletakkan batas-batas tertentu untuk kemaslahatan wanita. Perkara ini tidak wujud sebelum kedatangan Islam kerana sebelum Islam seolah-olah diri seorang wanita tiada harganya. Bahkan, suami berhak melakukan apa sahaja sesuka hatinya tanpa ada sempadan dan batasan.

## → Kesebelas

Islam meletakkan undang-undang poligami yang tidak melebihi empat orang isteri bagi seorang suami. Ini berbeza dengan amalan Arab Jahiliyyah dan bangsa lain selain Islam yang meghalalkan poligami tanpa had.

## → Kedua belas

Islam menjadikan anak-anak perempuan yang belum baligh di bawah jagaan walinya dan selepas balighnya maka diberikan hak pengurusan harta benda sama seperti lelaki.



## Kesimpulan

Kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan kedua belas dasar di atas, sesungguhnya Islam telah meletakkan golongan wanita pada suatu kedudukan yang sesuai dalam tiga bidang utama. Bidang-bidang tersebut adalah kemanusiaan, kemasyarakatan dan perundangan. Dasar-dasar ini juga membuktikan bahawa wanita bukannya satu golongan yang boleh dieksplorasikan oleh golongan lelaki dengan sewenang-wenangnya.

## Rujukan

'Ahmad bin cAli bin Hajar al- Asqalani (2000), Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari, 18 j. c. 3. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al- Ilmiyyah.

Ghazali, al-'Imam 'Abi Hamid Muhammad bin Muhammad al- (1983), al-Ghazali Menjawab 40 Soal Islam Abad 20, Mohammad Tahir dan Abu Laila (terj.), Bandong Indonesia: Penerbit Mizan

Mustafa Siba'ie (Dr.), Terj. Oleh Sdr. Halimuddin (1986), Wanita Menurut Syariat Islam Dan Peradaban Moden (Terj. Al-Mar'atu Bainal Fiqhi wal Qanun), Kuala Lumpur, Pustaka Antara

Nawawi, 'Imam Mahyuddin 'Abi Zakariya Yahya bin Sharaf al-(t.t), Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi, 9 j. Mansurah, Misr: Maktabah al-'Iman

Sheikh Abdu'Llah Basmeih (1985), Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran, Kuala Lumpur: Bahagian Ugama Jabatan Perdana Menteri



# Program i-Talk

## CTU101 2018

Oleh : Nur Nabilah Binti Azimoha  
(Pensyarah ACIS UiTM Kampus Seremban)



Program i-TALK ini merupakan sebuah program yang bercirikan kuliah pengukuhan. Program ini melibatkan peserta dari kalangan para pelajar diploma semester pertama (INTERIM) yang mengambil kod kursus CTU101 Prinsip Asas Islam. Program ini dijalankan secara bersiri.

Pada siri pertama tajuk yang dibincangkan adalah berkaitan dengan Maqasid Syariah manakala pada siri kedua tajuk yang dibincangkan adalah berkaitan dengan Akhlak. Kedua-dua topik perbincangan ini merangkumi silibus CTU101 Prinsip Asas Islam. Tujuan program i-Talk dianjurkan adalah untuk membantu para pelajar yang mengambil kod CTU101 Prinsip Asas Islam untuk memahami konsep Islam yang sebenar serta dapat mengaplikasi dalam kehidupan agar selari dengan apa yang telah digariskan dalam al-Quran dan al-Sunnah.

Justeru itu, atas dasar inilah Pihak Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Negeri Sembilan Kampus Seremban bersama-sama dengan Unit Hal Ehwal Islam UiTM Negeri Sembilan Kampus Seremban mengambil inisiatif untuk mengadakan kuliah pengukuhan kepada mahasiswa dan mahasiswi yang mengambil kursus ini. Diharapkan dengan adanya bengkel ini sedikit sebanyak dapat memberi input dan maklumat tambahan kepada mahasiswa/i untuk melahirkan insan yang bertaqwa.

Antara objektif program Kuliah Pengukuhan CTU101 ini





dilaksanakan adalah untuk memberi pendedahan dan kefahaman kepada mahasiswa/i mengenai kod kursus CTU101 Prinsip Asas Islam, membangunkan mahasiswa/i untuk menguasai cabang ilmu dalam Islam agar mampu diterjemahkan dalam impak

pembelajaran sepanjang hajat serta melahirkan mahasiswa/i yang cemerlang dunia dan akhirat.

bin Ramli, Timbalan Yang di-Pertua YADIM bertempat di Dewan TPSU 2 UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban.

Program ini juga turut diserikan dengan kehadiran Prof. Madya Dr. Abdul Halim Ramli yang merupakan Timbalan Rektor HEA UiTM Cawangan Negeri Sembilan dan Koordinator ACIS UiTM Kampus Seremban Ust. Nasif Sidque Bin Pauzi.



Program ini telah diadakan pada 7 feb 2018 ( siri I) yang disampaikan oleh Prof Madya Dr Irwan Mohd Subri, Pensyarah Kanan Universiti Sains Islam Malaysia dan pada 14 Feb 2017 (siri II) oleh Ust Mohd Zaidi

Semoga Program i-Talk ini akan dapat diteruskan pada semester-semester yang akan datang kerana maklum balas yang diberikan oleh Pelajar adalah positif.



# **“Tarbiyah Berkelompok”**

## **Berkesankah ??**

Oleh : Nor Saadah Binti Musa  
(Pensyarah ACIS UiTM Kampus Seremban)




Aspek yang paling penting dalam menangani kemelut sosial hari ini adalah membangunkan jiwa ketuhanan dalam diri masyarakat.

Bermula daripada berdakwah secara tertutup, Nabi SAW berjaya menarik minat dan membangkitkan kesedaran dalam diri sebahagian masyarakat untuk mengenal Allah. Kesedaran yang timbul dalam kalangan rakyat ketika itu diteguhkan oleh Nabi SAW dengan menumpukan tarbiyah secara konsisten dalam mengukuhkan ilmu dan kefahaman ketuhanan dalam diri para sahabat RA.

Masyarakat hari ini perlu dididik dengan konsep yang sama. Seluruh institusi dan sistem yang ada di dalam Negara ini perlu menerapkan penghayatan ketuhanan ini

secara bersepadu dan kolektif. Usaha pentarbiyan ini tidak akan berjaya sekiranya sebahagian pihak yang berusaha sementara pihak yang lain menggagalkannya.

Dalam situasi masyarakat kita pada hari ini, usaha mendidik perlu digandakan bukan sahaja oleh ibu bapa dan guru-guru bahkan seluruh anggota masyarakat termasuk pemerintah. Nabi SAW yang bertindak sebagai murabbi para sahabat ketika itu menunjukkan teladan kepada kita bahawa usaha membentuk masyarakat Rabbani memerlukan proses didikan yang konsisten dan sistematik. Para sahabat tidak dibiarkan kebingungan dalam mencari Tuhan, bahkan Nabi SAW yang sangat bijaksana telah memimpin para sahabat dengan siri tarbiyah yang berterusan melalui sistem ‘tarbiyah berkelompok’ di rumah Arqam bin Abi al-Arqam. Perlu difahami, usaha membina



masyarakat yang baik tidak akan berhasil sekiranya sekadar membangkitkan kesedaran tanpa ada tarbiyah susulan.

Sistem tarbiyah kelompok yang dilaksanakan oleh Nabi SAW bukanlah kaedah asing dalam medan dakwah. Bermula dengan peringkat ta'arif, jiwa-jiwa yang mempunyai kesedaran untuk hidup berTuhan perlu disusuli secara konsisten tanpa jemu oleh para murabbi dalam membentuk jati diri beragama. Peringkat takwin akan terbentuk apabila jiwa masyarakat yang diisi secara berterusan dengan sibus beragama tadi mengambil peranan menyedarkan anggota masyarakat yang lain. Untuk itu, seluruh Institusi pendidikan dan sistem yang ada di dalam Negara ini perlu bersatu-padu mewujudkan pendekatan 'tarbiyah kelompok' dalam kalangan pelajar dan anggota masyarakat di setiap peringkat.

Pihak berkuasa seperti pemerintah wajar menggalakkan rakyat negara ini supaya berusaha mewujudkan sistem tarbiyah kelompok di dalam institusi dan organisasi masing-masing. Sebahagian institusi pendidikan di Negara ini telah memulakan langkah lebih efektif dengan mewajibkan kehadiran pelajar mengikuti sistem tarbiyah kelompok ini sebagai syarat lulus graduasi bagi sesetengah program seperti di KUIS,

UIAM dan beberapa sekolah swasta di bawah NGO Islam seluruh Negara.

Sistem tarbiyah kelompok ini mempunyai sibus pengisian tertentu bermula daripada peneguhan perkara-perkara asas agama hingga pemahaman pembentukan sebuah Negara Islam. Pengisian diberikan secara berperingkat dan bertahap. Hal ini berdasarkan sirah Nabi SAW dalam mendidik para sahabat RA di fasa Makkah. Selama 13 tahun Rasulullah SAW memantapkan pemahaman dan penghayatan para sahabat RA dengan penumpuan tarbiyah dalam aspek aqidah dan akhlak.

Nabi SAW tidak sekadar berdakwah secara umum bahkan baginda mendidik para sahabat secara konsisten di rumah Arqam bin Abi al-Arqam. Perkembangan iman para sahabat dipantau secara konsisten oleh Rasulullah SAW sehingga lahir jiwa-jiwa yang hidup subur mencintai Allah SWT.

Kaedah ini merupakan metod asas yang paling ampuh dalam mendidik jiwa manusia sekaligus berupaya mencegah berleluasanya kemungkarahan. Bahkan jika dirujuk ke dalam al-Quran, terbukti kaedah ini merupakan tradisi para Nabi a.s dalam melahirkan pendokong dakwah Islam sepanjang zaman.

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامْنُوا كُونُوا أَنْصَارَ اللَّهِ كَمَا قَالَ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ لِلْحَوَارِيْعَنَ  
مَنْ أَنْصَارِي إِلَى اللَّهِ قَالَ الْحَوَارِيْونَ نَحْنُ أَنْصَارُ اللَّهِ فَعَامَتْ طَائِفَةٌ مِّنْ  
بَنِي إِسْرَائِيلَ وَكَفَرَتْ طَائِفَةٌ فَآتَيْدَنَا الَّذِينَ ءَامْنُوا عَلَى عَدُوِّهِمْ فَأَصْبَحُوا

ظاهرین  
١٤

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Jadikanlah diri kamu pembela-pembela (agama) Allah sebagaimana (keadaan penyokong-penyokong) Nabi Isa ibni Maryam (ketika ia) berkata kepada penyokong-penyokongnya itu: "Siapakah penolong-penolongku (dalam perjalananku) kepada Allah (dengan menegakkan agamaNya)?". Mereka menjawab: "Kamilah pembela-pembela (agama) Allah!" (Setelah Nabi Isa tidak berada di antara mereka) maka sepuak dari kaum Bani Israil beriman, dan sepuak lagi (tetap) kafir. Lalu Kami berikan pertolongan kepada orang-orang yang beriman untuk mengalahkan musuhnya, maka menjadilah mereka orang-orang yang menang. (Surah As-Saff:14)

Kaedah Rasulullah SAW dalam mengatasi masalah manusia adalah unggul kerana syariatnya datang daripada Allah SWT yang menciptakan manusia, lengkap dengan masalah beserta jalan penyelesaiannya. Rasulullah SAW hadir untuk membawa rahmat kepada sekalian Alam. Pembawa sinar kebenaran dan akhlak yang agung. Apabila sinar kebenaran tampak jelas, maka sinalah kebatilan dan kesesatan.

Benarlah Firman Allah dalam surah al-Anbiya ayat 107:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ١٠٧

Maksudnya: Tidak Kami utuskan engkau (wahai Muhammad) melainkan untuk membawa rahmat ke seluruh alam." (Al Anbia:21:107)

### Rujukan

Al-Qur'an al-Karim.

Ibn Kathir, Abu al-Fida' Ismail b Umar b Kathir al-Qurshi (2002), Tafsir al-Qur'an al-'Azim, Sami b Muhammad al-Salamah (ed.), 9 j. c. 2, Riyadh: Dar al-Taibah.

Al-Qurtubi, Abu 'Abdullah Muhammad b Ahmad al-Ansari (2002), Al-Jami' Al-Ahkam Al-Quran, Hisham Samir al-Bukhari (ed.), 10 j, Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath al-Arabi.

'Abd al-Rahman Hasan al-Habannakah (tt), Fiqh al-Da'wah wa al-Irshad, Damshiq: Dar al-Qalam.

Ibn Abi al-Dunya, Abu Bakr 'Abdullah b Muhammad al-Baghdadi (2004), Al-Amr bi al-Ma'ruf wa al-Nahy 'an al-Munkar, Salah b 'Ayd al-Shalabi (ed.), Beirut: Dar Ibn Hazm.

# Seminar Transformasi Pemikiran Islam

Oleh : Mu'allim Bin Mohd Bakri  
(Pensyarah ACIS UiTM  
Kampus Seremban)



Pada 13 Februari 2018, Seminar Transformasi Pemikiran Islam telah diadakan di DK200 Kampus Kuala Pilah. Seminar ini adalah merupakan sebuah program hasil kerjasama Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSIM) bersama-sama dengan Bahagian Pentadbiran, ACIS dan UHEI UiTM cawangan Negeri Sembilan.

Seminar ini, menampilkan dua orang penceramah yang telah disediakan dari pihak IKSIM. Penceramah pertama adalah En. Mahmud Hishamuddin Bin Abd. Rashid dengan tajuk ceramahnya "Tentangan terhadap Islam dan isu Islam Kontemporari". Manakala penceramah kedua pula adalah Dato' Prof. Haji Mahamad Naser Bin Disu dengan tajuk ceramahnya "Islam dan Perlembagaan".

Tujuan seminar ini dianjurkan adalah untuk memberi kefahaman berkenaan isu-isu semasa yang

berkaitan dengan umat Islam pada hari ini. Selain itu, seminar ini juga bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan penjelasan tentang persoalan Akidah, Ibadah dalam agama Islam. Di samping itu, melalui seminar ini juga, peserta akan dapat memahami isu-isu dan cabaran masa kini terutama berkaitan dengan ancaman terhadap kedaulatan Islam di negara kita.

Seramai hampir 200 orang peserta yang terdiri daripada staf UiTM cawangan Negeri Sembilan meliputi kampus Seremban, kampus Kuala Pilah dan Kampus Rembau. Seminar ini juga turut diserikan dengan kehadiran Prof. Madya Dr. Abd Halim Bin Ramli (Tim. Rektor HEA), Dr. Nur Jannah Azman (Timbalan Rektor PJIM&A) dan Ust. Hisam Satari (KPP ACIS) Uitm Cawangan Negeri Sembilan.

Adalah diharapkan agar seminar seperti ini dapat diadakan dengan lebih kerap dan banyak lagi kerana ianya memberi manfaat yang berlipat ganda kepada warga UiTM seterusnya dapat mengangkat produktiviti sebagai umat Islam yang beriman.



# KE MANA HILANGNYA BUDI BAHASA?

Oleh : Nurul Nisha Binti Mohd Shah  
(Pensyarah Komunikasi & Pengajian Media UiTM Kampus Rembau)

Budi bahasa budaya kita. Itu adalah antara slogan yang seringkali kita dengar dalam merujuk kepada kepentingan mengamalkan budi bahasa yang baik. Ayat yang digunakan dalam slogan ini terlalu mudah untuk difahami sehingga tidak perlu kepada analisis yang mendalam daripada mana-mana pakar bahasa.

Namun, adakah semudah itu juga pelaksanaannya? Pastinya tidak. Hal ini kerana ramai antara golongan muda pada hari ini dilihat sudah mula melupakan nilai-nilai dan budi bahasa yang baik dalam kehidupan sehari-hari mereka.

Pepatah Melayu ada menyatakan, jadilah seperti padi, semakin berisi semakin menunduk. Dan bukannya seperti lalang, semakin tua semakin tegak menjulang.

Setiap warga UiTM adalah DUTA ataupun wakil tetap yang membawa nama baik UiTM walau dimana juga mereka berada. Sebagai warga UiTM, tidak kira pelajar mahupun staf akademik dan sokongan, kita semua telah mengangkat janji untuk senantiasa menjaga nama baik UiTM. Keadaan ini bukanlah merujuk kepada mengelakkan diri daripada membuat perkara-perkara yang menyalahi undang-undang seperti

melakukan jenayah berat dan sebagainya namun lebih kepada bagaimana untuk kita membawa diri dalam apa juga keadaan, seperti menjaga adab dan akhlak terutamanya sewaktu berhubungan dengan individu lain.

Apabila kita bercakap mengenai adab dan budi bahasa, ramai antara kita yang menganggapnya sebagai sesuatu yang hanya akan diperaktikkan apabila pulang ke kampung halaman ataupun ketika bercakap dengan individu yang lebih tua daripada kita. Namun adab sebenarnya jauh lebih besar daripada itu. Budi bahasa adalah perbuatan yang baik yang kita lakukan kepada orang lain demi menjaga hubungan baik antara sesama manusia.

Namun, jika kita lihat pada situasi masa kini, ramai antara kita yang mengambil mudah tentang budi bahasa. Mereka lebih mementingkan diri mereka sendiri tanpa menyelitkan perasaan simpati apatah empati terhadap orang lain.

Mereka menyatakan bahawa mereka hanya inginkan kebebasan bersuara dan melakukan perkara-perkara yang mereka anggap betul namun sebenarnya banyak perkara yang mereka lakukan telah menguris banyak hati-



hati yang tidak berdosa. Budi bahasa sebenarnya tidak sukar untuk dipraktikkan. Ia hanya perlu dilakukan berulang-ulang kali sehingga menjadi tabiat yang baik. Hal ini kerana, individu yang berbudi bahasa akan sentiasa disenangi oleh orang lain. Selain daripada itu, kehidupan mereka yang berbudi bahasa akan lebih bahagia kerana sentiasa mengamalkan kehidupan yang positif dan baik.

Berikut adalah pengaplikasian budi bahasa yang dapat dijadikan contoh sebagai seorang mahasiswa-mahasiswi UiTM:

#### PERTAMA

Kaedah menghantar "Whatsapps" kepada Pensyarah

- ◆ Beri salam – Assalamualaikum Dr., Ust atau Ustazah, Sir , Madam atau Ms.
- ◆ Nyatakan nama penuh
- ◆ Nyatakan kelas
- ◆ Beritahu tujuan whatsapp dihantar
- ◆ Jangan lupa ucapan terima kasih

P/S: Pastikan pelajar mengikut masa yang telah ditetapkan oleh pensyarah sewaktu menghantar whatsapp tersebut.

#### KEDUA

Pertemuan dengan sesiapa sahaja di fakulti

- ◆ Pandang wajah individu yang kita bertemu
- ◆ Berikan senyum yang paling ikhlas (bayangkan kita terserempak dengan tetamu VVIP yang sangat kita kagumi)
- ◆ Berikan ucapan salam dengan jelas.

#### KETIGA

Sewaktu masuk dalam kawasan UiTM

- ◆ Perlahankan kenderaan sebelum sampai di pintu pagar UiTM
- ◆ Senyum dan beri salam kepada Polis Bantuan yang sedang bertugas
- ◆ Tunjukkan kad matrix kepada pegawai Polis Bantuan

#### KEEMPAT

Sewaktu berada di cafeteria

- ◆ Beratur sewaktu hendak membeli makanan
- ◆ Menggunakan panggilan yang sesuai kepada penjual makanan
- ◆ Tidak menipu kuantiti makanan yang telah diambil
- ◆ Ucapan terima kasih setelah pembayaran dibuat

P/s: Pembeli boleh menyatakan akad jual beli untuk menambahkan keberkatan kepada makanan yang telah dibeli. Akad tersebut adalah:

Penjual: Saya jual ya makanan ini.

Pembeli: Ya, saya beli.

- ◆ Duduk di meja makan dengan baik
- ◆ Makan dalam keadaan yang sopan dan tidak tergopoh-gapah
- ◆ Tidak meletakkan sisa makanan di atas meja (jika perlu mengasingkan tulang atau sisa makanan, boleh diletakkan di sudut pinggan atau dilapik atas tisu jika hendak dibuang atas meja).
- ◆ Sebelum meninggalkan meja, pastikan tidak ada sisa makanan yang tertinggal. Lap dengan tisu jika terdapat sebarang kotoran di atas meja.
- ◆ Buang sisa makanan di dalam tong sampah yang telah disediakan.
- ◆ Letakkan pinggan, mangkuk, sudu, garfu, gelas minuman di tempat yang telah disediakan.

Perkara di atas adalah antara contoh mudah yang dapat dilakukan dalam mengaplikasikan budi bahasa dalam kehidupan keharian kita. Sebenarnya banyak lagi aspek yang boleh dijadikan contoh kerana setiap hari kita akan berkomunikasi dengan individu lain. Semoga sedikit perkongsian di atas dalam dijadikan tauladan dan membantu semua warga UiTM menjadi ahli komunikasi yang hebat dan memberikan manfaat kepada individu lain.

# Berdusta Itu Sifat Munafik

Oleh : Mohammad Faizul Bin Abdan  
(Ketua Unit Hal Ehwal Islam UiTM Caw. N. Sembilan)

Berdusta dan Berbohong adalah salah satu dari maksiat lisan dan merupakan satu dosa. Berbohong seperti makna yang ditakrifkan oleh ulama' ialah mengucapkan sesuatu perkataan yang bertentangan dengan hal yang sebenar dengan sengaja. Hukum berbohong merupakan haram dengan ijma' semua ulama' walaupun dengan tujuan melawak dan bergurau senda dan sekalipun tidak memberi mudarat kepada orang lain. Ini bersandar dari hadis marfu' kepada nabi dan mauquf dari beberapa orang sahabat Rasulullah yang bermaksud :

"Jauhilah daripada menipu kerana menipu akan membawa kepada kejahanatan dan kejahanatan akan membawa kepada Api Neraka. Orang yang berterusan menipu dan berniat untuk menipu akan direkodkan sebagai seorang Penipu di sisi Allah.(Riwayat Muslim)"

Sabda Rasulullah – selawat dan salam atas baginda - yang maksudnya: "Ada empat perkara, sesiapa yang melakukannya maka ia adalah seorang munafik tulen. Sesiapa yang melakukan satu daripada empat perkara itu, maka ia mempunyai salah satu daripada sifat munafik, hingga dia meninggalkannya, (Empat sifat itu ialah) : i) apabila dipercayai (diberi amanah) ia khianat, ii) apabila bercakap ia berdusta, iii) apabila berjanji ia mungkir dan iv) apabila bertengkar ia mengenepikan kebenaran. (Menegakkan benang basah ) . (Riwayat Ahmad )".

Rasulullah – selawat dan salam atas baginda - memberi peringatan kepada umat Islam agar menjauhi sifat nifaq yang terdiri dari 4 yang disebut dalam hadis ini, bahkan hanya dengan melakukan salah satu dari 4 perkara tersebut, maka orang itu dikatakan ada satu sifat orang munafik. Allah berfirman yang mafhumnya: "Pada hari ini Kami tutup mulut mereka; dan berkatalah kepada Kami tangan mereka dan memberi kesaksianlah kaki mereka terhadap apa yang dahulu mereka usahakan(di dunia).( Surah Yaasiin: 65)".

*Epilog seorang manusia...*

*Ada yang rasa diri hebat*

*jalan dongak ke langit*

*pandangan semua orang salah*

*dia saja yang betul*

*Megah berkata-kata , namun kosong bicara*

*astaghfirullah al A'zim*